

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL
AZIZ
(RAUB)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.05.2016

Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ [RAUB] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah yang diambil untuk mendapat kembali semua bayaran yang diberi kepada syarikat palsu Aabar BVI.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Seperti mana umum sedia maklum, pada masa ini terdapat pertikaian di antara pihak 1MDB dan IPIC. Justeru itu, pihak 1MDB sedang mengkaji dan akan mengambil segala langkah yang perlu untuk membuktikan bahawa pihak IPIC dan Aabar Investments PJS

bertanggungjawab ke atas dana yang telah dibayar oleh 1MDB kepada Aabar BVI berjumlah USD3.5 bilion. Oleh hal yang demikian, adalah masih terlalu awal untuk merumuskan bahawa terdapat penipuan dalam transaksi/urusan berkaitan 1MDB dan IPIC.

1MDB telah dan akan terus menjalankan perbincangan dengan semua pemegang bon untuk menjelaskan latar belakang pertikaian serta menjelaskan mengapa 1MDB mengambil pendirian untuk tidak membuat bayaran faedah ke atas Bon Langat dan Bon Energy dan menegaskan bahawa 1MDB mempunyai Pelan Rasionalisasi yang membolehkan 1MDB memenuhi obligasi hutang sedia ada. 1MDB juga komited untuk bekerjasama secara terbuka dengan IPIC untuk menyelesaikan pertikaian yang berlaku bagi meminimumkan kesan ke atas semua pihak berkepentingan dan mengelakkan keperluan mempercepatkan bayaran balik bon atau sukuk dalam cara yang boleh menimbulkan risiko signifikan kepada Pelan Rasionalisasi 1MDB.

Tuan Yang Dipertua,

Memandangkan perkara ini masih dipertikaikan, pihak Kementerian Kewangan akan menunggu penyelesaian penuh isu ini

sebelum mengambil langkah/tindakan ke atas mana-mana pihak.